

Norihan Binti Anah

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, December 14, 2017 9:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PEMBINAAN RESTORAN TASIK/ THE LAKE RESTAURANT UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

14 DISEMBER 2017 / 25 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

PEMBINAAN RESTORAN TASIK/ THE LAKE RESTAURANT UUM

UUM ONLINE: Warga UUM dan masyarakat sekitar bakal memiliki sebuah lagi lkon baru yang istimewa lagi menawan apabila THE LAKE RESTAURANT atau Restoran Tasik separa terapung siap di bina di Tasik Memancing UUM.

Istimewanya Restoran Tasik ini ialah, ia juga bakal menjadi AKADEMIA LOUNGE 2 tetapi terbuka kepada semua warga UUM.

Restoran ini bakal menyajikan Masakan Kampung Ala Pumpung di sebelah siangnya, manakala di sebelah malamnya pula ia bakal menawarkan makanan laut dan ikan bakar ala Kuala Perlis.

Kesemuanya dengan harga yang amat istimewa dengan kapasiti tempat duduk untuk 200 orang.

Warga kampus yang ingin menikmati masakan kampung dan makanan laut tidak perlu lagi ke Alor Setar atau Kuala Perlis apabila Restoran Tasik ini muka beroperasi awal tahun 2018.

Restoran ini juga bakal menjadi satu pusat sehati untuk aktiviti riadah dan rekreasi warga kampus dan tetamu luar apabila khidmat kereta kuda, tram, buggy, basikal eletrik dan basikal GPS, bot Punting serta "jogging track" dan "Outdoor Gym" dipusatkan di sekitar kawasan Restoran Tasik tersebut.

Perancangan ini bakal mengupayakan program Edu-Tourism UUM yang mampu menarik ramai pengunjung dari luar kerana "Mini Pet Farm" atau Taman Haiwan Mini juga berada di lokasi yang tidak begitu jauh dari kawasan berkenaan.

Walaupun menawarkan kelainan berbanding Academia Lounge pertama yang terletak di Bangunan Tunku Puteri Intan Safinaz School Of Accountancy (TISSA) dan Academia Cafe & Bistro di UUMKL, namun tujuan pembinaannya tidak berubah iaitu bagi membolehkan para akademik dan pelajar beristirahat sambil menjamu selera dan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan dalam suasana yang santai dan selesa selain turut dapat menjana pendapatan kepada universiti.

Restoran Tasik ini juga turut dilengkapi pelbagai kemudahan lain seperti surau, dua buah bilik kuliah dengan kapasiti 50-60 orang setiap satu, sebuah bilik seminar dan ruang untuk kios niaga pelajar.

Tasik memancing UUM yang merupakan lokasi pembinaan Restoran Tasik ini akan sentiasa dipelihara. Aktiviti memancing akan dimulakan kembali setelah segala-galanya siap dibina.

Kekeruhan air yang berlaku ketika ini adalah akibat daripada limpahan air Sungai Sintok semasa hujan lebat baru-baru ini dan bukannya kerana kerja-kerja pembinaan yang sedang berlangsung.

Kerja-kerja pembalakan dan kuari di hulu sungai yang berlaku di luar kawalan UUM turut menyumbang kepada kekeruhan air yang berlaku.

JPP akan memastikan air di Tasik kembali jernih dan sesuai untuk aktiviti memancing dan rekreasi dalam masa yang terdekat.

Sama-sama lah kita nantikan pembukaan rasmi Restoran Tasik UUM pada awal tahun hadapan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.